

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Kerajaan garis empat tonggak utama	Melaka Hari Ini
2	UTEM terima RM3.2 juta daripada MOSTI bangunkan 16 projek	Bernamea.com
3	Jenayah siber semakin meningkat	Kosmo
4	Melayari internet secara positif	Kosmo
5	Trans fats make palm oil more popular in the US	New Straits Times
6	Activists take battle to Lynas Hq Down Under	The Malay Mail

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
 MELAKA HARI INI : MUKA SURAT 16
 TARIKH: 29 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

Capai matlamat negara maju 2020

Kerajaan garis empat tonggak utama



Shahrin menyempalakan cenderahati kepada Abu Bakar sambil disaksikan Azhar, Mohd Jailani dan Suhaimi.

Oleh **NUUR EEMI MOHAMED**
 (Pelatih kewartawanan UUM)

AYER KEROH 28 Nov. - Aspirasi kerajaan dalam mencapai matlamat negara maju yang berpendapatan tinggi, mampan dan terangkum menjelang 2020 telah menggariskan empat tonggak utama.

Tonggak yang mendorong transformasi itu ialah Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bagi memastikan negara berdaya saing dalam tempoh rancangan pembangunan ekonomi akan datang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah telah merasmikan Sesi Dialog Menteri Bersama Penerima dan Pemohon Dana serta Taklimat Dana di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini hari ini.

Katanya, industri perlu

beritumpuan yang lebih dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang mewujudkan keupayaan serta peluang untuk melaksanakan pelbagai program di bawah MOSTI iaitu bidang 'Advanced Material'.

"Contohnya, projek 'fabrication of high curie temperature anisotropic strontium ferrite magnets through powder metallurgy technique' oleh UTeM dapat membantu menjimatkan masa dan kos bagi penghasilan segmen magnet.

"Program 'Jejak Inovasi' yang kami jalankan dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) bertujuan menjejak produk-produk inovasi yang dihasilkan penduduk tempatan serta berusaha membudayakan inovasi dalam masyarakat," katanya ketika berucap di majlis dialog itu, hari ini.

Sementara itu, bagi merealisasikan program itu, MOSTI turut menyediakan pembiayaan dalam bentuk



Abu Bakar berbincang sesuatu dengan Shahrin.

dana atau geran bertujuan membantu pertumbuhan ekonomi merangkumi fasa penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C) di samping menyemarakkan budaya inovasi.

Beliau berkata, antara dana disediakan MOSTI di bawah RMK-9 adalah Sciencefund, Technofund, Innofund, Econtent, Demonstrator Application Grant Scheme Roll-Out (DAGS) dan Technology Development.

"Sebanyak 3,864 projek berjaya disiapkan melalui dana R, D&C MOSTI dan sejumlah RM2.6 bilion telah dijana di samping 311 projek telah dikomersilkan dari 1,189 projek yang berpotensi serta mewujudkan peluang pekerjaan.

"Bagi meneruskan kesinambungan pembiayaan dana R, D&C di bawah

RMK-10 (2011-2015), sehingga 'Rolling Plan 3' (2012/2013), Kementerian menawarkan tujuh jenis dana menurus kepada keperluan memenuhi rantai R, D&C dengan peruntukan sebanyak RM660 juta.

Sepanjang tempoh RMK-9, MOSTI melalui agensinya turut melaksanakan program di peringkat komuniti sebagai sumbangan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) termasuklah dana 'Innofund' bagi membiayai aplikasi sains dan teknologi.

Katanya, golongan sasaran bagi program ini adalah komuniti luar bandar dan dalam bandar terdiri warga kurang upaya, ibu tunggal, warga emas, komuniti Orang Asli, golongan belia dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Justeru itu, jelasnya, peranan hadirin sebagai penyelidik dan pereka cipta amat penting bagi memastikan aktiviti R, D&C negara terus 'vibrant' dan membantu mengajak Malaysia ke tahap negara maju.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (DASAR) MOSTI, Datuk Dr. Azhar Yahaya; Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM, Dr. Shahrin Sahib @ Sahibudin; Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UTeM, Dr. Mohd Jailani Mohd Nor dan Timbalan Setiausaha Bahagian Dana, Suhaimi Hamzah.



Abu Bakar bersalaman dengan hadirin yang hadir pada perasmian Sesi Dialog Menteri bersama Penerima dan Pemohon Dana serta Taklimat Dana.



UTEM Terima RM3.2 Juta Daripada Mosti Bangunkan 16 Projek

MELAKA, 28 Nov (Bernama) -- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memohon peruntukan berjumlah RM24.54 juta melibatkan 76 projek penyelidikan melalui [geran Dana Sains di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) sejak 2006.

Naib Canselornya Prof Datuk Ahmad Yusoff Hassan berkata daripada jumlah itu, sebanyak 16 permohonan diluluskan dengan pembiayaan bernilai RM3.2 juta sehingga November tahun ini.

"Ini menunjukkan peratus kelulusan permohonan yang rendah iaitu hanya 21 peratus dengan purata pembiayaan yang juga rendah sebanyak 13 peratus," katanya pada majlis dialog Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bersama penerima dan pemohon dana serta taklimat mengenai dana Mosti peringkat Zon Selatan yang dihadiri [Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) di sini, Khamis.

Teks ucapan beliau dibaca Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Prof Dr Shahrin Sahib.

Sesi dialog tersebut bertujuan menyediakan platform kepada Mosti bertemu dengan bakal pemohon, penerima geran dan koordinator penyelidikan untuk membincangkan isu, masalah dan cadangan bagi menambah baik sistem pengurusan dana sedia ada serta langkah ke arah pengkomersialan produk yang dibiayai kementerian itu.

Ahmad Yusoff berkata daripada jumlah permohonan yang diluluskan itu, sebanyak 11 projek telah selesai dan kini dalam proses peningkatan dan pembangunan mutu prototaip bagi tujuan pra-pengkomersilan.

Sementara itu, Abu Bakar berkata Mosti meluluskan sebanyak 514 projek dengan pembiayaan berjumlah RM167.64 juta melalui dana pembiayaan fasa Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan di zon selatan merangkumi Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Beliau berkata daripada jumlah itu, sepuluh projek yang dibangunkan UTeM telah diluluskan dengan pembiayaan bernilai RM2.17 juta.

-- BERNAMA

Jenayah siber semakin meningkat

SABAN hari, angka aduan yang diterima oleh Pusat Bantuan Cyber999 dilaporkan semakin meningkat.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab, (gambar kecil), kes jenayah siber meningkat sebanyak 8.9 peratus berbanding tahun lalu.

"Kami telah menerima 407 kes baharu dari Januari sehingga Oktober tahun ini, berbanding hanya 300 kes pada tahun lalu.

Tambahnya, pihak CyberSecurity turut menghantar beberapa kes jenayah siber kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.

"Pihak kami tidak mempunyai akta khas untuk melaksanakan penguatkuasaan berhubung kegiatan jenayah siber dan kepakaran kami adalah membantu kerajaan mengesan atau memantau aktiviti alam siber.

"Bagaimanapun, aduan kes-kes jenayah siber yang melibatkan wang ringgit atau

apa-apa yang boleh mendatangkan kecederaan fizikal, kami akan maklumkan kepada pihak berkuasa," jelasnya.

Mengulas lanjut mengenai talian Cyber999, Amirudin memberitahu ramai kanak-kanak dan remaja yang tinggal di bandar tidak tahu mengenainya.

"Mereka mungkin beranggapan boleh menguruskan sendiri masalah seperti jenayah buli siber dan bersifat lebih berdikari sesuai dengan cara kehidupan di bandar.

"Namun, mereka tidak tahu jenayah-jenayah ringan seperti ejekan boleh bertukar kepada sesuatu yang lebih ekstrem," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa agar pengguna internet seperti kanak-kanak dan remaja mengetahui saluran yang betul untuk berkongsi masalah berkaitan jenayah siber.

Maklumat lanjut mengenai Cyber999 boleh diperoleh melalui laman sesawang www.mycert.org.my/cyber999.



**KERATAN AKHBAR
KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 34
TARIKH : 29 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**



TELEFON pintar antara gajet penyumbang kepada peningkatan kes-kes jenayah siber.



KANAK-KANAK perlu didedahkan dan diajar tentang cara-cara menangani risiko keselamatan semasa melayari internet.

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**
diyanatul.atiqah@kosmo.com.my

ANAK matanya laju mengejar setiap perkataan dipaparkan di skrin komputer peribadi yang berubah-ubah mengikut pergerakan tetikus di tangan, sementara bibirnya ligat membaca setiap mesej dihantar oleh rakan-rakan sekolah dan teman baharu yang dikenali menerusi laman sosial Facebook.

Tiba-tiba tangannya terhenti dan matanya tertumpu pada gambar-gambar kumpulan penyanyi terkenal dari Britain, One Direction. Rupa-rupanya itu bahan yang dicari-cari oleh remaja berusia 16 tahun, Nur Zulaikha Zulkifli di laman Facebook miliknya.

Anak tunggal tersebut amat meminati kumpulan itu dan kerap melayari internet semata-mata untuk mengikuti perkembangan mereka.

"Kebiasaannya, saya akan melayari Facebook selama tiga atau empat jam sehari selepas pulang dari sekolah.

"Namun, saya tidak bersembang atau kerap menghantar komen di Facebook kerana tujuan saya membuka akaun hanya untuk melihat gambar-gambar terbaru kumpulan One Direction," jelasnya sambil memaklumkan akaun tersebut telah dibuka sejak tiga tahun lalu.

Nur Zulaikha antara jutaan pengguna Facebook di negara ini yang terdedah dengan risiko keselamatan di alam maya terutama dalam kalangan remaja.

Antara bentuk jenayah siber yang semakin menular termasuklah penipuan wang, spam, penggodaman akaun peribadi, menghendap dan buli.

Penggunaan internet di negara ini semakin meluas, namun hanya segelintir rakyat Malaysia yang menyedari risiko melayarnya menyebabkan kes-kes jenayah siber dilaporkan semakin meningkat.

Baru-baru ini, syarikat telekomunikasi, DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. (DiGi) dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia, telah berkongsi hasil kajian Keselamatan Internet yang bertujuan mengukur tahap kesedaran dan pengetahuan kanak-kanak tentang keselamatan melayari internet.

Menurut Pengarah Strategi dan Pegawai Perhubungan Korporat DiGi, Christian Thrane, sebanyak 460 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia

Melayari internet secara positif

Kajian Keselamatan Internet mendedahkan sebanyak 88 peratus kanak-kanak sedar kepentingan menjaga keselamatan semasa melayari internet, tetapi 38 peratus daripada mereka tidak mengetahui cara untuk melakukannya.



SARAH



SHAMSUDDIN

terlibat dalam sesi soal jawab secara lisan dan bertulis yang diadakan pada 26 April hingga 12 Oktober lalu.

"Ini adalah kajian keselamatan terbesar yang pernah dilakukan di Malaysia dengan melibatkan 9,651 pelajar di bawah program CyberSAFE DiGi.

"Program ini merupakan sebuah bengkel pendidikan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan kanak-kanak di alam siber, di samping meningkatkan kemahiran golongan pelajar, guru-guru dan ibu bapa ke arah suasana melayari internet yang positif dan selamat," katanya.

Buli

Hasil kajian itu mendapati sebanyak 27 peratus pelajar mengakui pernah dibuli semasa melayari internet, manakala 13 peratus masih dibuli. Selain itu, didapati 49 peratus daripada responden mengetahui beberapa rakan mereka yang pernah dibuli dalam internet.

Antara bentuk buli tersebut termasuk menerima mesej tidak bermoral, diejek dengan nama panggilan tidak sopan dan pencerobohan akaun laman sosial.

Dalam pada itu, sebanyak enam peratus mengakui mereka merahsiakan perkara-perkara tersebut daripada pengetahuan ahli keluarga dan rakan-rakan.

Tambah Thrane, sebanyak 88 peratus pelajar bersetuju pengetahuan tentang penjagaan keselamatan diri semasa melayari

KANAK-KANAK seharusnya mengisi masa terluang dengan membaca buku ilmiah berbanding melayari laman Facebook. - Gambar hiasan



KERATAN AKHBAR KOSMO (PESONA) : MUKA SURAT 35 TARIKH : 29 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)

◀ internet adalah sangat penting. "Walaupun lebih daripada separuh menyedari kepentingan menjaga keselamatan, namun seramai 38 peratus daripada mereka tidak tahu cara melakukannya," jelasnya.

Kajian tersebut juga mendapati empat daripada 10 ibu bapa tidak pernah memberitahu anak-anak tentang keperluan menjaga keselamatan semasa melayari internet.

Pendedahan

Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Shamsuddin Hassan berkata, kebanyakan kanak-kanak di negara ini tahu tentang risiko keselamatan semasa melayari, namun mereka tidak tahu cara menanganinya dan tidak diberi pendedahan secukupnya.

"Mereka harus diajar supaya tidak menggunakan kata laluan yang sama untuk setiap akaun sosial atau peribadi kerana ia akan memudahkan urusan penceroboh untuk menggodam akaun pemilik."



THRANE



TINDAKAN golongan remaja melayari internet di kafe siber membataskan kawalan ibu bapa terhadap mereka.

KEBANYAKAN kanak-kanak yang tinggal di bandar memilih untuk merahsiakan masalah buli siber yang dialami.

"Kanak-kanak harus diajar untuk meletakkan kata laluan yang lebih panjang dan tidak mudah dijangka oleh orang luar. Ini adalah antara perkara-perkara asas yang perlu diajar sebelum memberikan mereka telefon pintar."

Tambahnya, ibu bapa perlu lebih kerap memantau aktiviti anak-anak dalam talian dan tahu menggunakan penetapan yang disediakan di komputer rumah atau riba.

"Ibu bapa boleh menutup kemudahan akses internet selepas waktu perdana iaitu pukul 10.30 malam."

"Ia bagi mengelakkan anak-anak terus melayari laman-laman web sehingga melepasi waktu tidur mereka. Penetapan komputer adalah cara pengawalan yang paling mudah untuk dilakukan," katanya.

Dalam pada itu, Nur Zulaiha memberitahu, bagi mengelakkan dirinya terjebak dengan jenayah siber, dia sentiasa mengambil langkah berwaspada ketika berinteraksi dengan kenalan di laman sosial.

"Ibu sentiasa mengawasi perkembangan saya di Facebook dan tidak membenarkan saya me-

letakkan gambar sebenar di profil.

"Saya juga tidak menyatakan alamat rumah, nombor telefon atau apa-apa butir peribadi di laman sosial. Selain itu, saya tidak berkongsi akaun atau kata laluan dengan orang lain," katanya.

Memantau

Ibu kepada dua orang anak, Sarah Ismail, 50, pula hanya membenarkan anak bongsunya, Muhd. Ainol Syazwan Mohd. Yaakob, 12, melayari internet sekiranya ditemani kakaknya.

"Kakaknya belajar di Universiti Teknologi Mara Sri Iskandar, Perak dan pulang ke rumah pada cuti semester atau hari-hari tertentu sahaja.

"Jadi, dia amat jarang melayari internet kecuali jika kakaknya pulang dan kakaknya akan memantau laman-laman yang dilayarinya," jelasnya.

Sarah memberitahu, tindakan itu ekoran dia tidak begitu mahir dalam pengendalian komputer, apatah lagi untuk mengawal tingkah laku anaknya dalam dunia siber.



SELAIN bersosial, mangsa buli siber turut menghadapi tekanan perasaan. - Gambar hiasan



INTERNET boleh memberikan manfaat jika digunakan secara betul. - Gambar hiasan

Trans fats make palm oil more popular in the US

EVIDENCE: Health concerns make consumers and manufacturers turn to a better option

DESPITE all the available scientific evidence, published in peer-reviewed journals, there are still groups questioning palm oil's health status.

At a recent talk by Dr Kalyana Sundram, from the Malaysian Palm Oil Council (MPOC), we were told there are now initiatives brewing in Europe to discredit palm oil.

At one time, such adverse comments on palm oil were confined only to the United States.

However, nowadays, consumers in the US, after learning about the new science of palm oil nutrition, are now much less negative.

Much of the shift in perception can be traced back to the revelation in the early 1990s about the negative health consequences of trans fats. That proved to be a rude awakening for US critics of palm oil.

Prior to the findings linking trans fats to heart disease, all earlier blame was placed on saturated fats.

Labels on saturated fats content

of food products were then made compulsory.

That was a challenging time for palm oil since it contains 50 per cent saturates. But now the blame is on trans fats. How things can change.

What exactly are trans fats? How are they produced? What is the scientific evidence that has led to the conclusion that they are not good for health? What has been the impact of the revelations on fat choices in the US? What has been the consequence on palm oil use in the US? Why is palm oil now the preferred fat in a country where at one time it was even branded as poison?

Actually trans fats are not new. They have been around since man started making margarine and shortening to replace butter.

Butter was getting rather expensive during the war years. It was also hard to come by. Someone developed an alternative to butter

by a process called partial hydrogenation of seed oils. The product was margarine.

It was unfortunate that palm oil was not around then. If not, palm oil would have been ideal for making margarine because of its natural semi-solid property. At that time, palm oil was produced on a small scale by small farmers in West Africa.

Not much of palm oil was traded then. The little that was traded was

mainly exported from West Africa to Europe. Most ended as either lubricating oil or in making soap. This explains why many outside the palm oil producing states in West Africa knew little about palm oil. Palm oil only started making its appearance on the international scene when Malaysia invested in palm oil in a big way.

When seed oils like soya or sunflower are partially hydrogenated to harden the fats, trans fats are produced. And this has been consumed in large amounts in all kinds of products, including biscuits and confectionery.

Interest in investigating the role

of trans fats came when scientists could not understand why despite the low consumption of saturated fats in the US, the incidence of heart diseases continued to rise.

Some curious nutritionists took a closer look at trans fats. And what they found was most surprising to many. They came out with very convincing data that trans fats are worse than saturates when it comes to raising cholesterol in the body.

The studies that were done showed that trans fats not only raised the bad cholesterol, but also suppressed the good cholesterol.

There was disbelief at first. But eventually the evidence was too convincing to ignore. Labelling of trans fats soon became mandatory.

More consumers became aware of the deleterious nature of trans fats. And palm oil was seen as the optimal option for margarine and shortening manufacturers to suppress the content of trans fats in their products.

Gradually, palm oil was seen in a better light. And exports of palm oil to the US started showing signs of increasing. Next, we were told that trans fats will eventually no longer be classified as GRAS (generally regarded as safe). That will surely



Consumers in the US are now less negative about palm oil

deliver more good news for palm oil exports to the US.

Now trans fats have quickly earned the name "a silent killer" and is to be avoided at all cost! One thing is for sure. Trans fats make palm oil even more popular.

Activists take battle to Lynas Hq Down Under

AFTER failing to boot rare earth miner Lynas Corporation from Pahang, local environmental activists have resorted to taking their battle abroad and have parked themselves in a protest camp-out at the doorsteps of the firm's headquarters in Australia.

Activist group, Himpunan Hijau, plans to stay put until the company's annual general meeting of shareholders scheduled for today, hoping their presence would turn the heat up a notch in their campaign to shut down the allegedly hazardous mining plant in Gebeng, Kuantan.

"We will stay until the Lynas annual general meeting of shareholders on Friday (today)," Himpunan Hijau chairman Wong Tack said in a press statement here, adding that more protesters were expected



PROTEST CONTINUES: Activists are now in Australia to push for the world's biggest rare-earths plant in Gebeng to be shut down.

to fly to Sydney.

Environmental activists have raised health and safety concerns over the RM2.5 billion Lynas Advanced Materials Plant in Gebeng.

On Sept 3 last year, the Malaysian regulator Atomic Energy Licensing Board granted

Lynas (Malaysian) Sdn Bhd a temporary operating licence (TOL) that came with several conditions.

AELB director-general Raja Datuk Abdul Aziz Raja Adnan had then said the TOL would be for a two-year period ending on Sept 2, 2014.